



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-4, Menara PjH, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Emel: pha@kwp.gov.my

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PEMILIK DAN PEWARIS TANAH MENGENAI PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 29 Mei 2010 - Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada hari ini akan mengadakan **Majlis Perjumpaan Dengan Pemilik dan Pewaris Tanah Mengenai Pembangunan Kampong Bharu Kuala Lumpur Bersama Y.B. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.**

2. Dijangkakan lebih 1,000 orang pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu Kuala Lumpur akan menghadiri sesi perjumpaan ini. Antara kenamaan yang akan hadir bersama ialah Y.Bhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal Talib, Ketua Setiausaha KWPKB dan Y.Bhg. Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail, Datuk Bandar Kuala Lumpur.
3. Majlis ini dianjurkan khusus bagi memberi **penerangan dan penjelasan keputusan Kerajaan mengenai Cadangan Konsep dan Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Kampong Bharu Kuala Lumpur.**
4. Pada 6 Februari 2010, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah melakukan lawatan kerja atau *walk-about* ke Kampong Bharu Kuala Lumpur bagi melihat situasi dan mendengar sendiri hasrat dan kehendak pemilik dan pewaris tanah satu-satunya kampung tradisi Melayu di tengah ibukota.
5. Susulan daripada lawatan tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah mengadakan beberapa sesi dialog dan perbincangan dengan semua pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan pandangan dan pendapat sebelum satu **Kertas Memorandum Jemaah Menteri yang komprehensif** mengenai teras dan hala tuju pembangunan Kampong Bharu Kuala Lumpur **disedia dan dibentangkan untuk keputusan Kerajaan pada awal bulan Mei 2010.**

6. KWPKB berharap menerusi **sesi penerangan dan sesi soal-jawab** yang akan dikendalikan oleh **Y.Bhg. Dato' Hj. Bakaruddin Othman, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan) KWPKB** akan membolehkan para pemilik dan pewaris tanah menilai sendiri cadangan pelaksanaan pembangunan tanah warisan Kampong Bharu Kuala Lumpur yang dipersetujui Kerajaan.

7. Di samping itu, KWPKB berharap majlis ini juga akan menjadi **perintis dan langkah terbaik** untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan muktahir daripada pemilik dan pewaris tanah mengenai keputusan Kerajaan. Ini secara tidak langsung bertujuan untuk **membuktikan ketelusan dan keikhlasan Kerajaan** selaras dengan Gagasan 1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Sekian.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

29 Mei 2010
PUTRAJAYA